



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

DBKL JALANKAN SIASATAN TEKNIKAL DAN PEMERIKSAAN MENYELURUH SUSULAN INSIDEN POKOK TUMBANG

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa yang meninggal dunia susulan kejadian pokok tumbang di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. DBKL turut berharap semua individu lain yang terlibat menerima rawatan dan bantuan yang diperlukan.

Sebaik menerima laporan pada kira-kira 10.14 malam, pasukan DBKL telah digerakkan ke lokasi bagi membantu operasi kecemasan, melaksanakan kerja pemotongan serta mengalihkan pokok yang menghalang laluan. Kerja pembersihan selesai pada kira-kira 1.27 pagi manakala laluan dibuka semula kepada pengguna jalan raya pada masa yang sama juga.

DBKL kini sedang menjalankan siasatan teknikal terperinci bersama Persatuan Arborist Malaysia bagi mengenal pasti punca kejadian. Siasatan tersebut meliputi keadaan fizikal pokok, struktur akar, keadaan tanah, faktor persekitaran serta aspek lain yang berkaitan. Semakan turut dibuat terhadap rekod pemeriksaan, penyelenggaraan dan sebarang aduan terdahulu berkaitan pokok serta lokasi kejadian.

Berdasarkan rekod awal DBKL, pokok berkenaan ialah daripada spesies *Peltophorum pterocarpum* (yellow flame) dianggarkan berusia 19 tahun dan kali terakhir diperiksa dan disenggara pada 15 Mei 2025. Kontraktor yang telah dilantik oleh DBKL telah melaksanakan kerja-kerja pengurangan silara (crown reduction) berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Arboris Bertauliah.

Sebagai langkah segera, DBKL telah memulakan pemeriksaan terhadap pokok matang dan pokok yang berpotensi mendatangkan risiko di semua jalan utama Kuala Lumpur khususnya di kawasan yang dikenal pasti mempunyai jumlah trafik dan pergerakan orang awam yang tinggi.



Pemeriksaan awal ini melibatkan pokok-pokok yang berada di Jalan Ampang, Jalan Sultan Ismail, Jalan Raja Laut, Jalan Datuk Keramat dan sebahagian Jalan Tun Razak dan dijangka diselesaikan dalam tempoh 2 bulan setengah (10 minggu). Seramai 8 pasukan termasuk 5 arboris digerakkan bagi kerja-kerja tersebut.

Sebagai langkah pencegahan jangka sederhana, DBKL sedang menunggu kelulusan SIRIM bagi penggunaan sebanyak 400 unit pengesan pokok yang akan dipasang secara berperingkat di lokasi-lokasi hotspot terlebih dahulu. Pengesan tersebut akan digunakan untuk memantau keadaan pokok dan memberikan bacaan awal berhubung perubahan yang boleh menjejaskan kestabilannya termasuk keadaan tanah, kelembapan, pergerakan struktur serta kesan cuaca buruk, hujan lebat dan banjir.

Data daripada pengesan ini akan membantu DBKL mengenal pasti pokok yang memerlukan pemeriksaan lanjut dan membolehkan tindakan pencegahan diambil lebih awal sebelum risiko menjadi lebih serius.

Pelaksanaan fasa pertama dijangka melibatkan empat lokasi iaitu Jalan Bangsar, Dataran Merdeka, Jalan Ampang dan Jalan Raja Chulan .

Pada masa yang sama, DBKL akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak polis dan agensi berkaitan dalam melengkapkan siasatan terhadap kejadian ini.

Semua dapatan teknikal akan diteliti dengan serius dan tindakan pembetulan akan dilaksanakan tanpa berlengah berdasarkan hasil siasatan.

DBKL juga akan berhubung dengan keluarga mangsa dan pihak yang terlibat bagi membantu urusan berkaitan, tertakluk kepada peraturan serta proses yang berkuat kuasa.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
19 Julai 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my

